

Dua maut dalam kemalangan di LPT

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat mangsa kemalangan maut. FOTO ihsan JBPM
Kuantan: Dua maut manakala dua lagi cedera selepas pacuan empat roda yang dinaiki terbiasa di Kilometer 192.6 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) menghala ke Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Mangsa yang maut ialah Abd Talib Akob, 73, dan Fuziah Mohd Marzuki, 62, yang masing-masing dari Taman Muhibbah, Jerantut.

Dua yang selamat dan mengalami kecederaan ialah Muhamad Taufik Abd Talib, 34, dan Noor Syafiyana Ahmad Sobri, 32.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, seramai 13 pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Taman Tas, di sini, bersama dua jentera bergegas ke tempat kejadian sebaik menerima panggilan pada jam 5.29 petang.

Katanya, berdasarkan laporan, kemalangan membabitkan sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton yang terbiasa dan jatuh ke dalam gaung sedalam tiga meter.

"Kemalangan menyebabkan dua penumpang meninggal dunia di tempat kejadian manakala dua lagi mengalami kecederaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mayat diserahkan kepada polis manakala dua lagi menerima rawatan.

Disiarkan pada: Jun 11, 2022 @ 10:05pm